

28/09/2000

Rakyat Filipina lari ke Malaysia layak dapat status pelarian

Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Rabu - Rakyat Filipina yang lari ke Malaysia berikutan serangan tentera di selatan negara itu, layak mendapat status pelarian perang, kata Pensyarah di Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr P Ramasamy.

Beliau berkata, ini kerana penduduk di wilayah itu terpaksa melarikan diri selepas tentera kerajaan melakukan serangan besar-besaran untuk membebaskan tebusan yang ditahan kumpulan Abu Sayyaf.

"Tindakan itu bukan kerana mahu mencari rezeki atau mencerooboh negara ini. Sebaliknya, mereka terpaksa melarikan diri dan meninggalkan harta benda kerana mahu mengelak terkena serangan pihak tentera.

"Walaupun berada di negara ini untuk sementara, mereka layak diklafisikasikan sebagai pelarian perang," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNCHR) yang menganggap rakyat Filipina itu bukan pelarian perang.

Pegawai Perlindungan UNCHR di sini, Shinji Kubo berkata, ini kerana mereka melarikan diri untuk sementara waktu dan akan kembali ke tempat asal selepas serangan tentera terhadap Abu Sayyaf tamat.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat Filipina yang melarikan ke negara ini untuk mengelak serangan tentera, akan dilayan seperti pelarian perang.

Dr Ramasamy berkata, kenyataan Shinji tidak jelas kerana semua pelarian hanya dibenarkan berlindung sementara di negara asing dan akan diarahkan pulang ke negara asal selepas perang tamat atau keadaan kembali aman.

"Definisi UNCHR berhubung pelarian perang itu sama seperti yang dialami oleh pelarian Filipina. Maka, mereka layak untuk dipanggil pelarian perang," katanya.

Katanya, keadaan itu sama seperti yang berlaku terhadap pelarian Sri Lanka yang melarikan diri ke India apabila pasukan tentera kerajaan menyerang Jaffna untuk memburu Gerila Tamil.

Sehubungan itu, katanya, pelarian berkenaan layak untuk mendapat perlindungan dan layanan mengikut Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967.

Ditanya kemungkinan kehadiran pelarian itu boleh mengganggu keamanan, keselamatan dan kedaulatan negara ini, beliau berkata, keadaan itu tidak akan timbul kerana kerajaan akan memastikan pelarian berkenaan tidak melanggar peraturan negara.

"Sebelum ini, negara kita menjadi tumpuan rakyat asing tetapi tindakan mereka tidak sampai mengganggu kedaulatan atau keamanan," katanya.

(END)